

**Malaysia, Filipina, Indonesia setuju tubuhkan kumpulan kerja rondaan maritim
Astro Awani
Jun 20, 2016**

KUALA LUMPUR: Malaysia, Filipina dan Indonesia bersetuju secara dasarnya bagi angkatan tentera masing-masing atau agensi berkaitan untuk mewujudkan Kumpulan Kerja Rondaan Maritim Tiga Hala bagi menangani isu keselamatan maritim.

Menurut satu kenyataan bersama yang dikeluarkan hari ini pada mesyuarat tiga hala yang dihadiri menteri pertahanan ketiga-tiga negara, kumpulan kerja itu akan menetapkan arahan operasi terhadap pengendalian rondaan maritim tiga hala itu.

"Pusat Arahan Maritim juga perlu diwujudkan oleh negara masing-masing dan mengekalkan tanggungjawab keseluruhan bagi tugas dan penggunaan aset masing-masing," kata kenyataan itu.

Menteri-menteri juga bersetuju untuk meneroka kemungkinan mewujudkan sebuah koridor transit dalam kawasan maritim, yang akan bertindak sebagai laluan laut yang ditetapkan untuk pelaut bagi memasuki kawasan maritim yang mempunyai kepentingan bersama.

Berlangsung di Manila, Filipina, mesyuarat tiga hala itu membincangkan cabaran keselamatan yang semakin meningkat di rantau ini, khususnya di kawasan maritim yang mempunyai kepentingan bersama bagi ketiga-tiga negara iaitu di Laut Sulu.

Semasa mesyuarat itu, menteri-menteri juga menimbulkan kebimbangan terhadap kejadian penculikan baru-baru ini dan rompak bersenjata di laut di kawasan maritim berkepentingan bersama.

Mereka mengesahkan keperluan, komitmen dan tanggungjawab kolektif negara bagi menangani ancaman sedemikian yang menjejaskan keamanan, keselamatan dan kemakmuran di rantau ini, kata kenyataan itu.

Para menteri turut bersetuju untuk menerima pakai amalan terbaik yang dikongsi oleh

Malaysia dan Indonesia mengenai pengalaman mereka dalam rondaan Selat Melaka sebagai model kerjasama tiga hala bagi menangani masalah keselamatan maritim.

Sementara itu, isu lain yang dibincangkan dan dipersetujui ialah kemungkinan mewujudkan bersama pos kawalan tentera di lokasi yang ditetapkan, rondaan maritim dan udara tiga hala serta aktiviti yang diselaraskan dalam kalangan tentera tiga negara.

Mesyuarat tiga hala itu dihadiri Menteri Pertahanan Malaysia Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Indonesia Jeneral (B) Ryamizard Ryacudu dan Setiausaha Pertahanan Filipina Voltaire T. Gazmin.

Tag: [rondaan maritim](#), [pertahanan](#), [malaysia](#), [Indonesia](#), [Filipina](#), [Hishammuddin Hussein](#), [ancaman di laut](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-filipina-indonesia-setuju-tubuhkan-kumpulan-kerja-rondaan-maritim-108741>